

- (a) Nombor rujukan Fail Pusat Pembayar yang menyediakan borang SG10 hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah tidak terhad.

2. Tarikh

- (a) Tarikh efektif kewujudan atau pindaan yang akan digunakan oleh Pusat Pembayaran hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah tidak terhad.

3. Jenis Urusniaga

- (a) Salah satu daripada kod-kod seperti berikut hendaklah dinyatakan di medan ini :-

<u>Perihal</u>	<u>Kod</u>
Pengujudan	B
Pembatalan	T
Pindaan	P

- (b) Sekiranya butir-butir Pusat Pembayar diwujudkan buat pertama kali kod 'B' (Pengujudan) hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (c) Sekiranya butir-butir Pusat Pembayar di batalkan kod 'T' (pembatalan) hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (d) Sekiranya butir-butir Pusat Pembayar dipinda kod 'P' (pindaan) hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (e) Saiz medan ini adalah satu aksara beralfa.

4. Kod Pejabat Perakaunan

- (a) Kod Pejabat Perakaunan yang memberi perkhidmatan prosesan gaji bagi Pusat Pembayar berkenaan hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah 4 aksara bernumerik.

5. Kod Pegawai Pengawal

- (a) Kod Pegawai Pengawal Pusat Pembayar berkenaan yang diwujudkan, dibatal atau dipinda hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah 2 aksara bernumerik.

6. Kod Kumpulan PTJ

- (a) Kod Kumpulan PTJ Pusat Pembayar berkenaan yang diwujudkan, dibatal atau dipinda hendaklah dinyatakan dimedan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah 2 aksara bernumerik

7. Kod Pusat Pembayar

- (a) Pusat Pembayar berkenaan yang diwujudkan, dibatal atau dipinda hendaklah dinyatakan dimedan ini.
- (b) Bagi Pengujudan Kod Pembayar medan ini hendaklah ditinggalkan kosong. Medan ini akan diisi kemudian dengan membuat rujukan kepada JANM Ibu Pejabat melalui Pejabat Perakaunan berkenaan.
- (c) Saiz medan ini adalah 4 aksara bernumerik

8. Nama Pusat Pembayaran

- (a) Nama Pusat Pembayar yang diwujudkan, dibatal atau dipinda hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Saiz medan ini adalah 50 aksara beralfa.

9. Kod Kumpulan PTJ Pembayar

- (a) Kod Kumpulan PTJ Pembayar yang diwujudkan, dibatal dan dipinda hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Kod Pusat Pembayar adalah Kod Pusat Tanggungjawab membayar yang memegang waran peruntukan bagi Pusat Pembayar berkenaan.
- (c) Saiz medan ini adalah 8 aksara bernumerik.

10. No. Rujukan Majikan KWSP

- (a) Nombor Rujukan Majikan bagi potongan KWSP kakitangan Pusat Pembayar hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Pusat Pembayar hendaklah menghubungi KWSP untuk mendapat nombor rujukan berkenaan.
- (c) Saiz medan ini adalah 9 aksara beralfanumerik.

11. No. Rujukan Majikan Cukai Pendapatan.

- (a) No. Rujukan Majikan bagi potongan Cukai Pendapatan kakitangan Pusat Pembayar hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Pusat Pembayar hendaklah menghubungi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mendapat nombor rujukan berkenaan.
- (c) Saiz medan ini adalah 10 aksara beralfanumerik.

12. No. Rujukan Majikan SOCSO.

- (a) No. Rujukan Majikan bagi potongan SOCSO kakitangan Pusat Pembayar hendaklah dinyatakan di medan ini.
- (b) Pusat Pembayar hendaklah menghubungi pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mendapat nombor rujukan berkenaan.
- (c) Saiz medan ini adalah 12 aksara beralfanumerik.

13. Disahkan Oleh

Pegawai di Pusat pembayar yang bertanggungjawab hendaklah menurunkan tandatangan di medan ini termasuk nama dan jawatan serta tarikh pengesahan.

MEDAN-MEDAN UNTUK DIPENUHI OLEH PEJABAT PERAKAUNAN

14. Diluluskan Oleh.

Pegawai di Seksyen Gaji di Pejabat Perakaunan yang meluluskan Borang SG10 hendaklah menurunkan tandatangan di medan ini termasuk nama dan jawatannya serta tarikh kelulusan.

15. Dikemaskinikan Oleh

Pegawai Seksyen Komputer di Pejabat Perakaunan yang mengemaskini butir-butir Borang SG10 ini hendaklah menurunkan tandatangan di medan ini termasuk nama dan jawatannya serta tarikh pengemaskinian.